



TEKS UCAPAN

MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN ZAKAT DAN BERBUKA PUASA RISDA NEGERI KELANTAN

OLEH
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA

DEWAN SEKOLAH MENENGAH LONG GAFFAR,
KUBANG KERIAN, KELANTAN
26 SEPTEMBER 2008
5.00 PETANG

Salutation

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Dihormati Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)
Mewakili Ketua Pengarah RISDA

Yang Dihormati Tn. Hj. Khalid bin Awang Said
Pengarah RISDA Negeri Kelantan

Yang Dihormati En. Mohd. Fauzi bin Ismail
Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian

Para jemputan dan Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormat
Sekelian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1. PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul di Majlis Penyampaian Zakat Anak Syarikat RISDA dan Majlis Berbuka Puasa RISDA Negeri Kelantan Tahun 2008.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada RISDA khususnya RISDA Negeri Kelantan kerana

3

sudi menjemput saya untuk memberi ucapan dan seterusnya menyempurnakan majlis pada hari ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Mohd. Fauzi bin Ismail, Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian serta Tuan Pegawai Pembangunan Jajahan JPP Kota Bharu serta Tuan Pengetua Sekolah Menengah Long Gaffar kerana sudi hadir sama dalam majlis yang amat bermakna ini.

4

PEMBAYARAN BANTUAN ZAKAT

Pada tahun ini, Anak Syarikat RISDA iaitu Estet Pekebun Kecil atau ESPEK dan RISDA Plantation Sdn Bhd atau RPSB telah mengeluarkan zakat untuk diagihkan kepada fakir miskin di seluruh negara. Jumlah zakat oleh ESPEK adalah RM 96,000 dan RPSB adalah RM50,000. Daripada jumlah ini, Negeri Kelantan telah diperuntukkan sejumlah RM20,000 dan zakat ini akan diserahkan kepada 225 orang fakir miskin.

5

Dengan kata-kata itu, **saya dengan lafaz bismillahirrahmannirahim merasmikan Majlis Penyampaian Dividen RTBB RISDA Negeri Kelantan.**

Sekian, wabillahi taufik wasalamualaikum .

6